

HARIAN METRO

DATE: 20/09/2007

# Pengorbanan sebulan bawa tuah

Harian Metro - 20/9/2007

**P**UTRAJAYA: Pengorbanan membuat rujukan selama kira-kira sebulan di perpustakaan universiti dan Arkib Negara, ternyata membawa tuah kepada Mohd Haizal Zainuddin, 22, apabila dia diumumkan sebagai pemenang utama Peraduan Esei Yayasan Kepimpinan Perdana kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Esei bertajuk 'Lima Pengajaran Yang Diambil Daripada Sejarah Malaysia Selepas Merdeka Hingga Sekarang' membolehkan Mohd Haizal membawa pulang sebuah kereta model Proton Savvy, baucar membeli buku bernilai RM1,000 sumbangan MPH Bookstores dan wang tunai RM1,000 dikreditkan ke dalam akaun Maybank.

Graduan Universiti Kebangsaan Malaysia itu menyertai pertandingan berkenaan sebagai mengisi masa lapang ketika menyiapkan tesis tahun akhir, Disember lalu.

"Pada sebelah siang saya sibuk di makmal untuk menyiapkan tesis tetapi pada sebelah malam pula saya ada

banyak masa lapang.

"Oleh kerana tidak mempunyai sebarang aktiviti eko-ran ketika itu cuti semester, saya mengambil keputusan menyertai peraduan ini dan banyak menghabiskan masa di perpustakaan serta Arkib Negara bagi memastikan esei yang ditulis mempunyai fakta yang lengkap, padat dan tepat," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Hadiah disampaikan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan berkenaan, Tan Sri Azman Hashim.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Yayasan, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob.

Mohd Haizal yang menamatkan pengajian Ogos lalu, kini bertugas sebagai pembantu penyelidik di Foodred Malaysia Sdn Bhd, Cyberjaya, berkata dia akan menggunakan kereta berkenaan untuk memudahkannya menjalankan tugas.

"Kerja saya sekarang memang amat memerlukan sebuah kenderaan bagi memu-



**TAHNIAH...Azman mengucapkan tahniah kepada Mohd Haizal yang memenangi Proton Savvy sambil diperhatikan Nik Mohamed (kiri).**

dahkan saya bergerak, terutama ketika bertugas di luar daerah," katanya.

Menurutnya, kemenangan itu juga sebagai hadiah hari jadi paling istimewa buat ibunya, Che Rehan Harun yang menyambut hari lahir ke-44 hari ini.

Peraduan yang berakhir 31

Disember lalu menerima 337 penyertaan daripada tiga kategori, termasuk menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga), menengah atas (tingkatan empat hingga lima) dan pelajar IPT.

Hadiah utama bagi kategori sekolah menengah atas di menangi Syamsul Azuan

Che Hassan, 17, dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Beseri, Perlis, yang membawa pulang sebuah skuter model Modenas, baucar membeli buku bernilai RM1,000 sumbangan MPH Bookstores dan wang tunai RM1,000 yang dikreditkan ke dalam akaun Maybank.